

PAPER ID 24

Penilaian geologi kejuruteraan dan subpermukaan terhadap kesesuaian pembangunan di kawasan bukit batu kapur, Gunung Ginting, Ipoh, Perak

MOHD HARIRI ARIFIN¹, GOH THIAN LAI¹, ZULAIKA FARHANI SALEHUDIN^{2,*},
HAMZAH HUSSIN³

¹ Program Geologi Pusat Sains Bumi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains dan Teknologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

² Geo Technology Resources Sdn Bhd, 31-1, Jalan Mawar 5B, Taman Mawar,
43900 Sepang, Selangor, Malaysia

³ Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Jeli, 17600, Jeli, Kelantan, Malaysia

* Corresponding author email address: zulaikafarhani@gmail.com

Abstrak: Pembangunan yang pesat di sekitar Bandaraya Ipoh telah meningkatkan permintaan untuk pembinaan infrastruktur terutamanya unit-unit perumahan kepada penduduk setempat. Satu tapak kajian yang berhampiran dengan Gunung Ginting, Ipoh, Perak telah dipilih bagi pembinaan unit-unit perumahan oleh pemaju. Kedudukan tapak projek yang terletak di tepi perbukitan batu kapur ini memerlukan kajian terperinci dari aspek kestabilan cerun batu kapur serta keadaan subpermukaan yang selamat untuk dimajukan. Selain itu, penyiasatan bawah permukaan menggunakan kaedah keberintangan elektrik (E.R.I) yang dipadankan dengan rekod log lubang gerudi juga dilakukan di tapak projek bagi menganalisa keadaan bawah permukaan. Sebanyak tiga garis survei keberintangan elektrik

PERTEMUAN PERSATUAN (MEETINGS OF THE SOCIETY)

dengan menggunakan protokol Dwikutub-Dwikutub dipilih bagi mendapatkan maklumat bawah permukaan sehingga kedalaman 20 m. Pemilihan kaedah-kaedah ini adalah bagi mendapatkan keputusan yang lebih menyeluruh terhadap kesesuaian pembangunan di kawasan berkenaan.

Kata kunci: Kestabilan cerun, pengimejan keberintangan elektrik, lubang gerudi